

A low-angle photograph of two industrial workers in blue protective suits and hard hats walking up a metal staircase. The staircase is built on a large, curved, light-colored industrial structure. The background is a bright blue sky with scattered white clouds and a prominent sun in the upper right corner. The overall scene conveys a sense of industrial activity and safety.

TATAKELAKUAN INEOS

SEPTEMBER 2022



SEMUA PEKERJA KAMI, DI MANA-MANA SAHAJA MEREKA BERADA DI DUNIA INI, MENGETAHUI BAHAWA MEREKA MESTI BERPEGANG PADA STANDARD ETIKA, INTEGRITI, KETERBUKAAN DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN TERTINGGI DALAM CARA MEREKA MENGENDALIKAN URUSAN HARIAN MEREKA. KAMI SEDAR BAHAWA KAMI TELAH BEKERJA KERAS DI SELURUH SYARIKAT UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI KAMI SECARA BERTERUSAN, NAMUN KAMI TIDAK AKAN MENJEJASKAN STANDARD ALAM SEKITAR, KESIHATAN ATAU KESELAMATAN KAMI UNTUK APA-APA SEBAB PUN DALAM USAHA INI, TERMASUK ATAS SEBAB KEUNTUNGAN, KOMERSIAL ATAU PENGELUARAN. TATAKELAKUAN INI MENJELASKAN KEPADA MEREKA YANG BEKERJA UNTUK INEOS ATAU BEKERJA DENGAN KAMI TENTANG KELAKUAN PERNIAGAAN YANG DIHARAPKAN DARIPADA SEMUA ORANG DALAM ORGANISASI KAMI, TANPA MENGIRA LOKASI. ”

AC Currie

ANDY CURRIE, INEOS CAPITAL

KANDUNGAN

1. KESIHATAN, KESELAMATAN, SEKURITI & ALAM SEKITAR
2. PERSAINGAN & SEKATAN
 - 2.1 Persaingan (Antitrust)
 - 2.2 Sekatan Perdagangan, Kawalan Eksport & Undang-undang Boikot
3. TADBIR URUS
 - 3.1 Sogokan & Rasuah
 - 3.2 Urus Niaga Orang Dalam
 - 3.3 Hadiah & Hiburan
 - 3.4 Konflik Kepentingan
4. KERAJAAN & KOMUNITI
 - 4.1 Urus Niaga dengan Kerajaan
 - 4.2 Aktiviti Politik
5. INTEGRITI KEWANGAN DAN ASET SYARIKAT
 - 5.1 Integriti Kewangan & Pengendalian
 - 5.2 Aset Syarikat
 - 5.3 Pengubahan Wang Haram
 - 5.4 Harta Intelektual
6. SUMBER MANUSIA
 - 6.1 Hak Asasi Manusia
 - 6.2 Layanan Adil dan Peluang Pekerjaan Sama
 - 6.3 Antigangguan
 - 6.4 Kelakuan Peribadi
 - 6.5 Perkhidmatan Speak Up!
 - 6.6 Keadaan Kerja
 - 6.7 Pengurusan & Latihan Kerjaya
7. PENGGUNAAN & KESELAMATAN SISTEM DIGITAL
8. PELANGGARAN TATAKELAKUAN

PRINSIP / PENGENALAN

INEOS komited untuk beroperasi sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan mematuhi semua undang-undang tempatan, kebangsaan dan antarabangsa yang berkenaan. Misi kami adalah untuk menjadi peneraju dalam industri kami sambil memajukan kelestarian dalam masyarakat dan mengekalkan standard etika tertinggi. Untuk membantu kami mendukung komitmen ini, Tatakelakuan kami mentakrifkan dan merumuskan, dalam satu rangka kerja sejagat, jangkaan kami daripada Perniagaan dan pekerja kami tanpa mengira lokasi atau latar belakang.

Tatakelakuan kami adalah berdasarkan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang INEOS komited untuk dukung, iaitu 10 prinsip Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Global Compact, Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, Perisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa berkenaan Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja serta Piagam Global Penjagaan Bertanggungjawab.

INEOS mengendalikan perniagaan di seluruh dunia, yang bermaksud pekerja dan kontraktor kami tertakluk pada undang-undang dan peraturan berbagai-bagai negara dan organisasi. Setiap pekerja bertanggungjawab mengenali dan mengikut undang-undang yang terpakai pada kita di tempat kita bekerja. Tatakelakuan ini mewujudkan prinsip untuk kelakuan perniagaan yang terpakai di seluruh INEOS, tanpa mengira lokasi. Jika terdapat perbezaan sebagai hasil daripada adat, norma, undang-undang atau peraturan tempatan, pekerja mesti menggunakan Tatakelakuan ini atau keperluan tempatan – mana-mana satu yang menetapkan standard kelakuan yang lebih tinggi. Sekurang-kurangnya, kami menjangkakan pekerja kami mematuhi standard etika, integriti, keterbukaan dan kebertanggungjawaban yang paling tinggi dalam cara mereka mengendalikan perniagaan.

INEOS memerlukan pembekal memenuhi Tatakelakuan Pembekal yang berasaskan yang berdasarkan standard hak asasi manusia dan perniagaan lestari yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang sama seperti Tatakelakuan ini. Pekerja INEOS yang terlibat dalam perolehan bertanggungjawab untuk mengambil bahagian dalam latihan berkenaan Tatakelakuan Pembekal dan memastikan Tatakelakuan terpakai untuk semua pembekal.

Semua orang yang bekerja untuk INEOS menyumbang kepada kejayaan kami serta kepada pencapaian misi kami untuk menjadi peneraju dalam industri kami dan untuk meningkatkan perniagaan kami secara berterusan. Dengan bekerjasama dan memanfaatkan bakat dan perspektif kita yang berbagai-bagai, kami akan terus merangsang peluang yang baharu dan kreatif untuk perniagaan kami.

Tatakelakuan ini mempunyai dua tujuan utama:

- Untuk memaklumkan kepada pekerja, kontraktor dan perniagaan kami tentang tanggungjawab mereka dan untuk memberi mereka bimbingan yang sesuai.
- Untuk menggariskan prinsip etika yang membimbing aktiviti perniagaan INEOS.

Tatakelakuan ini telah diluluskan dan dikeluarkan oleh setiap Ketua Fungsian yang berkaitan dan mengikat semua pekerja dan perniagaan INEOS.

1. KESIHATAN, KESELAMATAN & ALAM SEKITAR

INEOS komited untuk melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor, pembekal, pelanggan, pelawat dan komuniti tempatan. Kami berusaha untuk terus meningkatkan prestasi kesihatan dan keselamatan kami dan tidak akan menjejaskan standard kesihatan dan keselamatan atas apa-apa sebab, termasuk manfaat komersial.

INEOS komited untuk melindungi alam sekitar dan beroperasi secara lestari. Kami berusaha untuk mencapai keneutralan iklim, kebulatan dan sifar pencemaran dalam rantai nilai kami, sambil meminimumkan kesan negatif terhadap kekurangan air dan biodiversiti. Kami mematuhi prinsip Piagam Global Penjagaan Bertanggungjawab dan inisiatif Operasi Perubahan Menyeluruh.

Pematuhan semua perundangan yang bertujuan melindungi orang, harta dan alam sekitar merupakan salah satu keutamaan asas Syarikat dan terpakai pada produk kami serta proses kami. Pengurusan akan menjadi teladan dan memperuntukkan sumber yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam prestasi SHE (Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran).

Pekerja dikehendaki untuk mengelak daripada kelakuan yang mungkin berbahaya atau memudaratkan orang lain. Semua individu atau kumpulan individu yang disyaki terlibat dalam kelakuan berbahaya atau memudaratkan harus dilaporkan dengan serta-merta kepada pengurus anda atau ahli pengurusan yang lain.

Pekerja tidak boleh meletakkan diri mereka dalam keadaan berbahaya.

Setiap pekerja kami berkongsi tanggungjawab untuk melindungi orang, harta dan alam sekitar dalam bidang kerja mereka dan dikehendaki mematuhi sepenuhnya semua undang-undang, peraturan serta dasar, garis panduan, standard dan prosedur Syarikat yang berkenaan dengan perlindungan alam sekitar atau keselamatan loji atau proses.

Setiap pengurus mempunyai kewajipan untuk mengarah, menyelia dan menyokong kakitangan mereka untuk mencapai tanggungjawab tersebut.

Setiap pekerja bertanggungjawab memimpin kontraktor dan pekerja lain supaya kita semua memahami tanggungjawab kita serta diberikan sokongan yang diperlukan untuk menyepadukan prinsip dan standard ini dalam kerja kita. Setiap pekerja mesti menguruskan kerja mereka untuk mencegah atau mengelakkan semua kejadian yang mungkin menyebabkan bahaya terhadap orang, harta atau alam sekitar.

“**20 Prinsip**” SHE dan “**Peraturan Keselamatan**” boleh didapati di **intranet syarikat**.





2. PERSAINGAN & SEKATAN

2.1 Persaingan (Antitrust)

Persaingan kuat, yang bebas daripada pakat sulit dan sekatan yang tidak munasabah merupakan mekanisme paling berkesan untuk memastikan INEOS menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dengan harga yang berpatutan. Selain itu, kegagalan mematuhi undang-undang persaingan, antitrust dan peraturan perdagangan lain dalam mana-mana bidang kuasa yang kita mengendalikan perniagaan boleh menyebabkan akibat yang serius, untuk kedua-dua pihak INEOS dan individu yang melakukan pelanggaran, termasuk hukuman sivil dan jenayah yang signifikan. Oleh itu, kami membuat keputusan perniagaan secara bebas, membeli bahan mentah daripada pihak lain selagi boleh dipraktikkan dan menjual produk kita secara saksama dan jujur berdasarkan harga, kualiti dan perkhidmatan. Pekerja sentiasa dilatih tentang peraturan antitrust dan persaingan yang berkenaan dan talian bantuan percuma telah ditubuhkan dengan penasihat undang-undang luaran yang boleh mereka rujuk untuk pertanyaan pada bila-bila masa. Setiap pekerja bertanggungjawab untuk membiasakan diri dan mematuhi undang-undang persaingan yang berkaitan dengan peranan mereka dan perniagaan INEOS. Pekerja juga dilarang daripada mengadakan apa-apa perbincangan, perjanjian rasmi atau tidak rasmi atau persefahaman dengan pesaing yang boleh menyekat persaingan. Jika terdapat apa-apa keraguan tentang sama ada mana-mana transaksi atau tindakan adalah sah atau tidak, pekerja perlu menghubungi pengurus barisan mereka, Pengurus Pematuhan mereka atau Jabatan Undang-undang dengan serta-merta untuk mendapatkan arahan.

2.2 Sekatan Perdagangan, Kawalan Eksport & Undang-undang Boikot

Pelbagai undang-undang perdagangan kebangsaan dan antarabangsa menyekat atau melarang:

- import, eksport atau perdagangan domestik barangan, teknologi atau perkhidmatan
- urusan dengan produk tertentu; atau
- transaksi modal atau pembayaran.

Sekatan dan larangan ini bergantung pada sifat barangan, negara asal atau penggunaan akhir serta identiti pelanggan atau pembekal. Penalti yang serius termasuk denda, pembatalan permit untuk mengeksport dan pemenjaraan mungkin dikenakan apabila undang-undang ini dilanggar.

INEOS komited untuk memastikan pematuhan yang ketat terhadap kawalan eksport kebangsaan dan antarabangsa, sekatan perdagangan dan undang-undang yang berkaitan merentas keseluruhan Perniagaan. Jika peranan pekerja melibatkan jualan atau penghantaran produk, teknologi atau perkhidmatan merentas sempadan antarabangsa, mereka hendaklah memastikan bahawa mereka mengetahui maklumat terkini tentang peraturan dan sekatan yang berkenaan dan nasihat perundangan luaran dicari seperti yang diperlukan. Aktiviti dan hubungan perniagaan baharu mesti disaring berdasarkan kes demi kes untuk memastikan aktiviti dan hubungan perniagaan tersebut tidak terjejas atau dilarang oleh undang-undang atau peraturan sekatan dan usaha wajar yang teliti mesti dijalankan ke atas rakan kongsi kontrak dan rantaian bekalan.

Senarai negara yang dilarang/disekat ("**Negara yang Disekat**") dan sekatan yang berkaitan diselenggarakan secara berkala oleh jabatan Perbendaharaan Kumpulan INEOS. Transaksi dengan Negara yang Disekat ini tertakluk pada Manual Pihak Berkuasa yang Diwakilkan dan semua Perniagaan dikehendaki melaporkan tentang pematuhan sekatan dan aktiviti di Negara yang Disekat pada setiap suku tahun.

3. TADBIR URUS

3.1 Sogokan & Rasuah

Bayaran rasuah, sogokan atau bayaran lain kepada kakitangan kerajaan dan pegawai lain, serta kepada pembekal atau pelanggan atau permintaan atau pengumpulan, tawaran atau janji dalam bentuk wang tunai atau barangan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau sebaliknya memperoleh kelebihan untuk INEOS, dilarang sama sekali, tanpa mengira sama ada bayaran atau tawaran dibuat secara langsung atau tidak langsung. Rasuah, sogokan dan bayaran balik termasuk, tanpa had, hadiah selain daripada nilai nominal, bayaran tunai oleh pekerja atau pihak ketiga (seperti ejen, pembekal, pelanggan atau perunding), penggunaan perkhidmatan, kemudahan atau harta INEOS tanpa pampasan (kecuali yang dibenarkan secara rasmi oleh pekerja INEOS yang sesuai dan dilantik) serta pinjaman, jaminan pinjaman atau lanjutan kredit lain. Dasar ini tidak melarang perbelanjaan atau penerimaan:

- amaun di bawah program pemasaran yang sah yang dibenarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan atau wakilnya;
- lanjutan terma pembayaran biasa di bawah kontrak bertulis; atau
- amaun nominal untuk makanan dan hiburan pembekal dan pelanggan yang merupakan perbelanjaan perniagaan biasa, jika amaun adalah sebaliknya sah.

Semua pekerja bertanggungjawab untuk memastikan mereka sentiasa mematuhi “**prinsip teras**” “**Dasar Antisogokan dan antirasuah**” INEOS yang boleh didapati di www.ineos.com/information/legal

3.2 Urus Niaga Orang Dalam

Urus niaga orang dalam (penyalahgunaan pasaran) dilarang sama sekali oleh undang-undang dan INEOS mengambil semua tindakan yang perlu dan sesuai untuk mencegah urus niaga orang dalam atau penyalahgunaan “maklumat dalaman” (iaitu apa-apa maklumat yang berkaitan dengan sebuah syarikat yang tidak tersedia kepada orang umum, yang seorang pelabur yang waras berkemungkinan menggunakan maklumat itu sebagai asas untuk keputusan pelaburan mereka berhubungan dengan sekuriti syarikat tersebut) oleh pekerja syarikat itu. Dengan mematuhi peraturan Penyalahgunaan Pasaran yang berkenaan, INEOS memiliki dan menyelenggarakan “Senarai Orang Dalam” yang wajar.

Pekerja INEOS tertentu mungkin mempunyai akses, atau memerlukan akses kepada,

maklumat dalaman untuk melaksanakan tugas mereka. Pekerja INEOS tertakluk pada kewajipan kerahsiaan yang ketat dan tiada pekerja boleh mendedahkan apa-apa maklumat dalaman kepada mana-mana pihak ketiga kecuali diberikan kebenaran dengan sewajarnya untuk berbuat demikian. Orang yang memiliki maklumat dalaman dilarang daripada berdagang, sama ada secara peribadi atau melalui pihak ketiga, dalam sekuriti yang boleh terjejas oleh maklumat dalaman.

Walaupun INEOS sendiri bukan sebuah syarikat tersenarai, larangan tersebut yang berkenaan dengan pendedahan dan perdagangan yang berasaskan maklumat dalaman, juga diguna pakai untuk maklumat dalaman yang berkaitan dengan syarikat lain yang telah pekerja peroleh semasa bekerja di INEOS, khususnya maklumat dalaman yang berkaitan dengan mana-mana syarikat tersenarai yang INEOS mempunyai kepentingan pemilikan dari semasa ke semasa.

3.3 Hadiah & Hiburan

Dasar INEOS berkenaan hadiah dan hiburan berkaitan dengan hadiah dan hiburan yang diberikan kepada / oleh pihak atau individu luaran (mis. bukan INEOS). Pertukaran hadiah dan hiburan boleh membina muhibah dalam hubungan perniagaan, tetapi sesetengah hadiah dan hiburan boleh mewujudkan pengaruh yang tidak wajar (atau kemunculan pengaruh yang tidak wajar) atau bahkan boleh dilihat sebagai rasuah yang melanggar undang-undang atau mencemarkan reputasi INEOS untuk urus niaga yang adil. Hadiah dan hiburan bermaksud apa-apa sahaja yang bernilai (cth. diskaun, pinjaman, terma yang menguntungkan untuk mana-mana produk atau perkhidmatan, perkhidmatan percuma, hadiah, pengangkutan, penggunaan kenderaan syarikat lain, penggunaan kemudahan percutian, pemberian saham atau sekuriti lain, penyertaan dalam tawaran sekuriti, pembaikan rumah, tiket dan sijil hadiah).

Hiburan berkaitan perniagaan yang munasabah boleh diterima jika ia merupakan kebiasaan, tidak berlebihan dan penyertaan secara keseluruhan merupakan keputusan terbaik INEOS. Hadiah wang tunai, hadiah yang setara dengan wang tunai atau item bernilai yang lain (cth. logam berharga atau batu berharga atau batu permata) tidak boleh ditawarkan atau diterima dalam apa-apa jua keadaan. Hadiah lain boleh ditawarkan jika hadiah tersebut bersesuaian dengan hubungan yang terlibat, merupakan keputusan terbaik INEOS secara keseluruhan untuk menyediakan

dan mematuhi dasar antisogokan dan antirasuah yang diterangkan di atas dalam perenggan 3.1. Dasar khusus tentang nilai dan kesesuaian hadiah ditakrifkan setiap satu oleh setiap Perniagaan. Jika terdapat apa-apa keraguan sama ada hadiah atau hiburan boleh diberikan atau diterima, pekerja mesti berunding dengan Pengurus Pematuhan mereka. Setiap perniagaan mesti mengekalkan Daftar Hadiah iaitu semua hadiah yang melebihi had tertentu, yang ditetapkan oleh Perniagaan berkaitan mengikut dasar, mesti didaftarkan.

Hadiah, hiburan atau kemudahan tidak boleh ditawarkan kepada:

- mana-mana ahli politik, parti politik, kakitangan kerajaan, pegawai kerajaan, calon untuk jawatan awam atau mana-mana ahli keluarga terdekat mereka; atau
- mana-mana ahli atau pekerja mana-mana badan kawal selia atau peralatan kerajaan yang lain.

3.4 Konflik Kepentingan

Pekerja mesti sentiasa bertindak demi kepentingan Syarikat dan mengelakkan daripada mewujudkan atau mengekalkan kepentingan individu yang mungkin menimbulkan, atau dianggap menimbulkan, konflik dengan kepentingan INEOS atau mungkin mempengaruhi, atau dianggap mempengaruhi, pertimbangan mereka dalam pelaksanaan kewajipan mereka.

Konflik kepentingan termasuk memperoleh keuntungan peribadi dengan menjejaskan Syarikat, menyertai atau membantu aktiviti yang bersaing dengan Syarikat, mempunyai kepentingan kewangan dalam pelanggan, pesaing atau pembekal Syarikat yang kepentingan tersebut membolehkan pekerja mempengaruhi pengurusan entiti tersebut atau akan mempengaruhi pekerja semasa berurusan dengan pelanggan, pesaing atau pembekal tersebut bagi pihak Syarikat, dan menggunakan jawatan mereka untuk mempengaruhi pekerjaan, gaji atau peluang saudara.

Mana-mana pekerja yang percaya mereka mungkin mempunyai konflik kepentingan dikehendaki untuk: berkomunikasi dengan pengurus mereka tentang konflik kepentingan tersebut; mencari dan mendokumenkan dengan pengurus mereka penyelesaian untuk mengelakkan atau sekurang-kurangnya meminimumkan konflik kepentingan atau risiko yang wujud; serta melaporkan apa-apa perubahan material yang akan datang dalam situasi yang boleh meredakan atau memburukkan konflik kepentingan atau menghalang atau membatalkan penyelesaian yang digunakan untuk meredakan konflik.





4. KERAJAAN & KOMUNITI

4.1 Urus Niaga dengan Kerajaan

Pekerja mesti mendapatkan persetujuan pengurus mereka dan jabatan Komunikasi Kumpulan sebelum membuat apa-apa perhubungan tidak rutin dengan pegawai atau pekerja kerajaan. Hubungan tidak rutin ialah apa-apa perhubungan yang tidak diperlukan sebagai sebahagian daripada proses atau pelaporan kerajaan yang biasa.

Jika pekerja perlu menghubungi pegawai kerajaan semasa bekerja atau diminta memberikan maklumat sehubungan dengan pertanyaan atau siasatan agensi kerajaan atau kawal selia, mereka hendaklah memastikan apa-apa maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat serta mempertahankan kepentingan sah INEOS. Pekerja perlu sentiasa mendapatkan kelulusan daripada jabatan Perniagaan mereka atau jabatan Komunikasi Kumpulan sebelum melakukan apa-apa dialog dengan mana-mana kerajaan atau menjawab permintaan untuk mendapatkan maklumat daripada agensi kerajaan atau kawal selia. Pekerja yang perlu berurusan dengan kerajaan atau menyediakan komunikasi luaran sebagai sebahagian daripada kerja mereka dikehendaki mematuhi Manual Pihak Berkuasa Wakilan.

4.2 Aktiviti Politik

Secara umum, INEOS tidak menyertai aktiviti politik secara langsung. Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan mesti meluluskan mana-mana sumbangan politik oleh Perniagaan tersebut. Walau bagaimanapun, Syarikat akan terus terlibat dalam perbincangan dasar berkenaan subjek dengan kepentingan sah kepada INEOS, pekerjanya dan komuniti yang kita jalankan operasi, melalui proses seperti pelobian. Aktiviti pelobian bagi pihak kepentingan INEOS dikawal selia dengan ketat oleh undang-undang. Jabatan Komunikasi Kumpulan bertanggungjawab atas aktiviti ini.

Pekerja INEOS yang mewakili Syarikat dalam urusan politik dan kerajaan perlu mematuhi semua undang-undang berkenaan yang mengawal selia penyertaan korporat dalam hal ehwal awam (cth., semasa menggunakan pengaruh politik atau membuat sumbangan kempen).

INEOS mengiktiraf dan menghormati hak setiap pekerja untuk menyertai proses politik sebagai individu. Walau bagaimanapun, pekerja tidak boleh, semasa tempoh pekerjaan mereka, menggunakan masa, harta atau kelengkapan Syarikat untuk menjalankan atau menyokong aktiviti politik peribadi mereka dan mereka perlu berhati-hati supaya tidak menimbulkan tanggapan bahawa mereka mewakili kepentingan syarikat semasa menyertai proses politik.

5. INTEGRITI KEWANGAN DAN ASET SYARIKAT

Semua pekerja di INEOS mempunyai tanggungjawab, serta kewajipan undang-undang, untuk melindungi harta fizikal, harta intelektual dan aset kewangan Syarikat. Pekerja perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan (termasuk Prinsip Perakaunan Diterima Umum / Standard Pelaporan Kewangan Antarabangsa) di setiap bidang kuasa yang mereka jalankan operasi. Pekerja perlu terus terang dan telus tentang operasi dan prestasi mereka, tepat dalam perakaman dan pelaporan data dan hasil serta berhati-hati dalam penggunaan aset dan sumber Syarikat.

5.1 Integriti Kewangan & Pengendalian

Setiap pekerja INEOS perlu sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan perakaunan diterima, prosedur dan had pengizinan khusus dalam Manual Pihak Berkuasa Wakilan. Semua transaksi perlu dibenarkan dengan betul dan direkodkan sepenuhnya. Rekod, entri atau dokumen tidak boleh palsu atau mengelirukan dan akaun, dana atau aset yang tidak didedahkan atau tidak direkodkan tidak boleh diwujudkan atau dikekalkan. Bayaran korporat tidak boleh diminta, diluluskan atau dibuat dengan niat bahawa mana-mana bahagian bayaran sedemikian akan digunakan untuk mana-mana tujuan selain tujuan yang diterangkan dalam dokumen yang menyokong bayaran tersebut. Semua maklumat yang diberikan kepada juruaudit mesti lengkap dan tidak mengelirukan.

Syarikat tidak akan sengaja membantu dalam aktiviti penipuan oleh pihak lain. Mana-mana pekerja yang percaya secara wajar bahawa aktiviti penipuan sedang berlaku, sama ada di dalam Syarikat atau oleh pihak lain yang berurusan dengan kita, perlu melaporkan aktiviti itu kepada pengurus barisan atau jabatan Undang-undang Kumpulan dengan segera. Untuk mendapatkan butiran lanjut, pekerja boleh merujuk Manual Pihak Berkuasa Wakilan.

INEOS komited kepada pematuan semua undang-undang yang berkaitan dan berkenaan. Ini merupakan sebahagian penting komitmen kita kepada komuniti dan pihak berkepentingan.

5.2 Aset Syarikat

Setiap pekerja INEOS dikehendaki melindungi aset INEOS serta aset pembekal, pembekal perkhidmatan dan pelanggan kita. Semua maklumat tentang pembekal, pembekal perkhidmatan dan pelanggan, serta apa-apa maklumat tentang hubungan perniagaan sedia ada perlu dianggap sebagai aset. Pekerja perlu sentiasa melindungi aset Syarikat seolah-olah ia aset mereka sendiri: melindunginya daripada penyalahgunaan, kehilangan, pembaziran, penipuan atau pencurian. Ini termasuk wang bayaran pendahuluan untuk pekerja serta apa-apa kad perjalanan dan hiburan, perolehan atau kredit syarikat yang mereka miliki. Pekerja perlu memastikan bahawa semua tuntutan, baucar, bil dan invois adalah tepat dan diserahkan dalam tempoh masa yang wajar.

5.3 Pengubahan Wang Haram

INEOS tidak menyetujui, membenarkan, memudahkan atau menyokong pengubahan wang haram. Pengubahan wang haram ialah proses apabila individu atau entiti cuba menyembunyikan dana haram atau sebaliknya cuba menjadikan dana tersebut

kelihatan sah. Amalan ini mungkin ditunjukkan melalui cara bayaran dibuat yang tidak kena, seperti permintaan untuk bayaran kepada entiti atau individu yang bukan pembekal atau pelanggan kita atau ke negara yang berbeza dengan lokasi pembekal atau pelanggan atau mungkin berlaku apabila pelanggan kelihatan kurang integriti dalam operasi mereka. Jika terdapat kemusykilan tentang kebolehizinan transaksi kewangan yang berkaitan dengan pemindahan wang, Jabatan Kewangan Perniagaan yang berkaitan perlu dirujuk pada peringkat awal.

5.4 Harta Intelektual

Di INEOS, kita selalu menghasilkan maklumat perniagaan yang bernilai, idea yang tidak awam, strategi dan jenis harta intelektual lain yang kita miliki dan perlu dilindungi. Pelbagai undang-undang membantu kita melindungi maklumat ini daripada digunakan oleh pihak luaran. Selain itu, setiap pekerja bertanggungjawab untuk melindungi dan memelihara harta intelektual INEOS. Kewajipan ini terpakai sepanjang pekerjaan mereka dengan INEOS dan berterusan selepas pekerjaan mereka di INEOS tamat. Kadangkala, pekerja mungkin perlu berkongsi harta intelektual dengan pihak ketiga, tetapi perkara ini hanya boleh dilakukan selepas kelulusan menurut Manual Pihak Berkuasa yang Diwakilkan dan di bawah perjanjian kerahsiaan bertulis. Setiap pekerja bertanggungjawab memahami dan mematuhi sekatan dan kewajipan yang dikenakan pada mereka oleh mana-mana perjanjian kerahsiaan. Jika harta intelektual telah dilesenkan kepada INEOS, pendedahan seterusnya kepada pihak ketiga oleh INEOS mungkin akan dilarang oleh perjanjian lesen. Sebagaimana kita melindungi maklumat perniagaan kita sendiri, kita komited untuk menghormati harta intelektual dan maklumat terlindung pihak lain.

Harta intelektual termasuk perkara berikut:

- Paten
- Pengetahuan
- Rahsia perdagangan
- Perumusan dan resipi produk
- Keadaan dan reka bentuk pengendalian proses
- Hak cipta
- Tanda dagangan dan tanda khidmat

Jenis maklumat perniagaan sulit lain termasuk:

- Pangkalan data korporat jualan, pemasaran dan lain-lain
- Strategi dan rancangan pemasaran
- Data penyelidikan dan teknikal
- Idea, proses, cadangan atau strategi perniagaan
- Pembangunan produk baharu
- Perisian yang dibeli atau dibangunkan oleh Syarikat
- Maklumat yang digunakan dalam aktiviti perdagangan, termasuk harga, pemasaran dan strategi pelanggan.

Jika pekerja mempunyai soalan yang berkaitan dengan perlindungan atau pendedahan harta intelektual Syarikat, mereka harus menghubungi pasukan Undang-undang Kumpulan atau Setiausaha Syarikat Kumpulan.

Di samping itu, INEOS komited untuk menghormati harta intelektual dan data peribadi pelanggan, pembekal, dan pekerja dengan mematuhi sepenuhnya peraturan, termasuk Peraturan Perlindungan Data Am.





6. SUMBER MANUSIA

INEOS komited untuk memastikan orang ramai dihargai dan hak asasi manusia dihormati, sepanjang operasi dan rantai nilai kita. Kami berusaha untuk mengekalkan persekitaran kerja dengan kepercayaan bersama, yang semua pekerja dilayan dengan hormat, diberikan pampasan yang saksama berdasarkan keadaan pasaran tempatan dan layak mendapat waktu bekerja yang munasabah.

6.1 Hak Asasi Manusia

INEOS menghormati hak dalam Rang Undang-Undang Antarabangsa Hak Asasi Manusia dan Perisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa berkenaan Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja. Kami mengiktiraf hak pekerja untuk tawar-menawar kolektif dan kebebasan berserikat dan kami berusaha untuk mencegah apa-apa kejadian buruh paksa atau wajib, buruh kanak-kanak atau diskriminasi pekerjaan yang berkaitan dengan operasi kami. Semua perniagaan dan pekerja kami mesti mematuhi standard ini dan melaporkan pelanggaran sebagai keutamaan. Perniagaan INEOS tidak boleh bekerjasama dengan pelanggan atau pengedar yang mempunyai rekod pelanggaran hak asasi manusia dan hendaklah memastikan pembekal memenuhi Tatakelakuan Pembekal INEOS, yang merangkumi peruntukan berkenaan hak asasi manusia. Pernyataan Ketelusan Perhambaan Moden Kami boleh didapati di laman web INEOS: www.ineos.com/information/anti-slavery-act/

6.2 Layanan Adil dan Peluang Pekerjaan Sama

INEOS ialah sebuah syarikat global. Kami menghargai kepelbagaian warga syarikat kami dan setiap pekerja kami diiktiraf sebagai ahli pasukan kami yang penting. Kami menghormati hak, nilai dan maruah semua pekerja, pelanggan, kontraktor, vendor dan pihak berkepentingan lain. Setiap satu daripada kita mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa keputusan kita yang berkaitan dengan perekrutan, pemilihan, pembangunan dan kenaikan pangkat pekerja adalah berdasarkan merit, kelayakan, kemahiran yang ditunjukkan dan pencapaian. Kami mengamalkan prinsip peluang saksama tanpa mengira bangsa, warna, agama, jantina, usia, negara asal, orientasi seksual, identiti gender, status perkahwinan, ketakupayaan atau hubungan politik. Kami tidak akan membenarkan bangsa, warna, agama, jantina, usia, negara asal, orientasi seksual, identiti gender, status perkahwinan, ketakupayaan atau hubungan politik untuk mempengaruhi pendapat atau layanan kami terhadap orang lain.

6.3 Antigangguan

Di INEOS, kami percaya bahawa amalan prinsip asas adab, hormat dan maruah dalam semua hubungan pekerjaan merupakan tanggungjawab bersama semua pekerja. Syarikat mengamalkan dasar toleransi sifar untuk kelakuan yang merendahkan, kesat, mengganggu atau berdiskriminasi dalam mana-mana tempat kerja Syarikat, terhadap pekerja, kontraktor, pembekal, pelanggan atau lain-lain. Mana-mana pekerja yang terlibat dalam kelakuan

kesat atau mengganggu akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pembuangan kerja segera.

6.4 Kelakuan Peribadi

Pekerja dikehendaki sentiasa, sama ada berurusan secara dalaman atau luaran, untuk berkelakuan profesional, dan untuk memperlakukan orang lain dengan hormat serta sejajar dengan undang-undang tempatan dan peraturan dan dasar Syarikat. Jangan sesekali membenarkan kepentingan atau bias peribadi bercanggah dengan jangkaan kelakuan pekerja oleh Syarikat.

Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Menghormati kerahsiaan tersirat yang dijangkakan dalam sama ada peranan profesional atau kekananan sehubungan dengan capaian kepada maklumat atau data
- Tidak terlibat dalam atau menggalakkan perkongsian maklumat sulit
- Memperlakukan semua pekerja dengan maruah dan hormat serta tidak melibatkan diri dalam kelakuan yang boleh dianggap gangguan, pembulian atau diskriminasi

Pekerja digalakkan untuk membincangkan apa-apa kebimbangan mereka yang berkaitan dengan kelakuan peribadi dengan individu yang terlibat, pengurus barisan atau HR, atau jika tindakan itu tidak boleh dilakukan, menggunakan perkhidmatan “Speak Up!” INEOS.

6.5 Perkhidmatan Speak Up!

INEOS komited mewujudkan persekitaran yang komunikasi terbuka dan jujur merupakan kebiasaan. Kami mahu pekerja berasa selesa menemui pengurus barisan mereka atau pengurusan lain jika mereka percaya INEOS atau individu tertentu, yang bertindak bagi pihak INEOS, berkelakuan secara tidak etika atau tidak wajar. Walau bagaimanapun, jika pekerja lebih memilih untuk melaporkan mana-mana kelakuan tidak beretika atau tidak wajar yang mereka percaya boleh menimbulkan isu yang serius kepada INEOS secara tanpa nama, mereka boleh berbuat demikian melalui Perkhidmatan Speak Up!, yang tersedia untuk semua kakitangan, melalui pihak ketiga bebas (NAVEX). Perkhidmatan Speak Up! tersedia 24/7, 365 hari setahun dan boleh diakses sama ada melalui nombor telefon bebas tol yang tersedia dalam kebanyakan bahasa, atau melalui laman web Bahasa Inggeris. Perkhidmatan Speak Up! juga tersedia dan boleh diakses oleh kontraktor yang bekerja di tapak INEOS di seluruh dunia.

Perkhidmatan ini disokong oleh Dasar Speak Up! Dasar yang disediakan, bersama dengan dokumen lain termasuk Soalan Lazim dalam bahasa tempatan di Intranet INEOS dan Internet.

Apa-apa maklumat yang pekerja berikan melalui Sistem Speak Up! akan disimpan secara sulit setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan hanya akan didedahkan untuk tujuan menyiasat laporan. Pekerja boleh memilih untuk mengenal pasti diri mereka dalam laporan atau membuat laporan tanpa nama, dengan jaminan INEOS bahawa komen akan didengar. Perkhidmatan Speak Up! boleh diakses melalui pautan berikut:

- Intranet: ineos.intranet.ineos.com/speakup
- Internet: www.ineos.com/speakup

6.6 Keadaan Kerja

Semua perniagaan INEOS perlu memastikan keadaan kerja yang saksama, termasuk:

- Komunikasi interaktif dengan pekerja berkenaan keadaan kerja: Dialog sosial harus diadakan melalui wakil pekerja, perundingan kolektif dan Perkhidmatan Speak Up! INEOS (diperincikan dalam perenggan 6.5 di atas), di samping memenuhi keperluan sektor dan mengatur perbadanan perunding.
- Syarat berkenaan hari cuti dan waktu bekerja (fleksibel): Mana-mana syarat yang berkaitan dengan hari cuti, pampasan untuk waktu bekerja tambahan atau luar biasa dan pengaturan kerja yang fleksibel perlu ditakrifkan dalam persetujuan pekerjaan yang sepadan dengan peraturan/kontrak buruh tempatan. Apabila mungkin, langkah rasmi untuk menggalakkan keseimbangan pekerjaan dan kehidupan perlu diwujudkan.
- Komunikasi proses gaji: Proses gaji khusus perniagaan harus disampaikan kepada semua pekerja melalui peraturan/kontrak buruh bertandatangan yang sepadan.
- Kesihatan dan kesejahteraan pekerja: Semua pekerja INEOS mempunyai akses kepada platform sukan dan kesejahteraan terkini syarikat, Stesen Tenaga INEOS, yang menawarkan nasihat dan program berkenaan kesihatan umum, pemakanan, tidur dan senaman. Program senaman menyediakan platform akses global kepada pelbagai acara kecergasan sebenar dan maya yang pekerja boleh mendaftar dan memantau kemajuan mereka sebagai individu dan pasukan. Pekerja juga dijemput menggunakan halaman intranet syarikat untuk inisiatif kecergasan serta kesejahteraan fizikal dan mental.

6.7 Pengurusan dan Latihan Kerjaya

Di INEOS, kami melabur untuk warga kerja kami dan pembangunan berterusan mereka. Setiap perniagaan mesti memastikan proses perekrutan yang telus, semakan prestasi yang kerap, menyediakan latihan pembangunan kemahiran serta menawarkan dan menggalakkan peluang kerjaya.

Semua perniagaan mesti bertujuan menarik dan menaikkan pangkat pekerja yang berbakat untuk memajukan perniagaan kita dan memenuhi keperluan masyarakat dan pelanggan kita yang berubah-ubah. Budaya keusahawanan perlu digalakkan supaya bakat dapat meningkat dengan cepat. Pekerja perlu diberikan ganjaran kerana mengambil inisiatif dan berprestasi tinggi, di samping kerja berpasukan mereka. Pemikiran kreatif dianggap penting kepada kejayaan INEOS dan merupakan kunci kepada inovasi seluruh produk dan proses yang mampan. Kami suka pekerja kami memajukan diri mereka sebaik mungkin, tetapi pada masa yang sama kami menggalakkan kerja berpasukan dan sifat rendah hati. Secara ringkasnya, kami mahu budaya INEOS menjadi tempat yang baik untuk individu dan pasukan berkembang maju.

7. PENGGUNAAN & KESELAMATAN SISTEM DIGITAL

INEOS mengiktiraf nilai teknologi dalam mencapai objektif perniagaan. Oleh itu, Syarikat ingin menggalakkan pekerjaanya untuk membangunkan kemahiran sistem maklumat dan untuk menggunakan sistem teknologi maklumat yang wajar. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, kita perlu melindungi integriti perniagaan terhadap penggunaan sistem maklumat yang tidak boleh diterima atau tidak sah. Penggunaan sistem demikian mesti sejajar dengan nilai hormat dan tanggungjawab Syarikat. Penggunaan peribadi sistem demikian dibenarkan secara munasabah. Walau bagaimanapun, penggunaan peribadi sistem demikian tidak boleh berlebihan, melanggar mana-mana dasar lain, mengganggu prestasi tanggungjawab kerja pekerja atau sebaliknya menjejaskan atau memudahkan perniagaan, hal ehwal atau reputasi INEOS. Orang yang menggunakan sistem kita dikehendaki berbuat begitu secara bertanggungjawab dan perlu mematuhi dasar ini serta mana-mana dasar Penggunaan Boleh Diterima yang mungkin dikeluarkan oleh Syarikat.

Sistem digital dan maklumat INEOS, dan semua e-mel, mel suara dan mesej teks serta semua maklumat dan data lain yang dicipta oleh, dihantar melalui atau disimpan dalam sistem ini, merupakan dan sentiasa kekal sebagai harta eksklusif Syarikat. Jika pekerja mempunyai soalan yang berkaitan dengan penggunaan Internet atau e-mel yang wajar, mereka harus menghubungi sokongan IT tempatan mereka atau Jabatan Undang-undang.

Semua pekerja INEOS dikehendaki mengikut “**Sepuluh peraturan keselamatan IT**”.

8. PELANGGARAN TATAKELAKUAN

Tatakelakuan ini merupakan sebahagian penting hubungan pekerjaan setiap pekerja dengan Syarikat. Pelanggaran perlu dilaporkan kepada pengurus barisan dengan segera, dalam bentuk yang mematuhi undang-undang tempatan. Jika untuk apa-apa sebab pun, pekerja berasa mereka tidak dapat memaklumkan pengurus barisan mereka, mereka perlu menghubungi pengurus kanan lain, Pengurus HR mereka atau jabatan Undang-undang Kumpulan atau, jika berkenaan, dengan menelefon nombor talian penting “Speak Up!” INEOS. Apa-apa balasan terhadap mana-mana individu yang melaporkan pelanggaran Tatakelakuan ini secara jujur tidak dibenarkan. Semua laporan akan disiasat dengan segera dan tindakan pembetulan atau disiplin yang wajar akan diambil untuk mencegah salah laku dan untuk menggalakkan kebertanggungjawapan untuk pematuhan Tatakelakuan ini.

Nota: Tatakelakuan ini mesti dibaca berhubung dengan dasar dan prosedur INEOS yang lain, yang memberikan bimbingan dan arahan tambahan dan tersedia kepada pekerja INEOS pada Intranet INEOS.





INEOS

INEOS.COM